



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

RAHMAT RAMADAN

Tarikh Dibaca :

**5 RAMADAN 1440H/
10 MEI 2019M**

Disediakan oleh :


**Cawangan Khutbah Dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**RAHMAT RAMADAN**

10 Mei 2019M/ 5 Ramadan 1440H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
 سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
 وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ


 وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan dengan melaksanakan segala suruhan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya serta selamat di dunia dan di akhirat.

Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Rahmat Ramadan”**.

Para tetamu Allah yang dikasihi,

Rasulullah SAW di saat tibanya Ramadan menyampaikan khabar gembira sebagaimana riwayat al-Nasa'i daripada Abu Hurairah RA:



أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُّبَارَكٌ، فَرَضَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ، تَفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ السَّمَاءِ،
وَتُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ، وَتُغَلُّ فِيهِ مَرَدَّةُ الشَّيَاطِينِ، لِلَّهِ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ، مَنْ
حُرِمَ خَيْرَهَا فَقَدْ حُرِمَ.

Bermaksud: “Telah datang menemui kalian bulan Ramadan yang diberkati, Allah Azzawajalla (Yang Maha Agung) mewajibkan kalian berpuasa (pada bulan) Ramadan. Dibuka padanya (bulan Ramadan) pintu-pintu langit, ditutup padanya pintu-pintu neraka dan dibelenggu padanya syaitan-syaitan durjana. Di sisi Allah SWT pada bulan Ramadan ada satu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Siapa yang terhalang daripada mendapatkan kebaikannya, maka sesungguhnya dia terhalang (daripada mendapatkan kebaikannya yang banyak)”.

Ramadan merupakan bulan berkat, bulan rahmat dan bulan keampunan. Ramadan adalah bulan al-Quran, bulan ibadah dan bulan takwa. Bulan Ramadan telah dinantikan sekian lama oleh orang-orang soleh sebagaimana yang dinukil oleh Ibn Rajab al-Hanbali di dalam *Lataif al-Ma'arif* bahawa Mu'alla bin al-Fadl (مُعَلَّى بْنِ الْفَضْلِ) menyatakan bahawa orang-orang soleh telah berdoa selama enam bulan agar dipertemukan dengan bulan Ramadan dan mereka berdoa sesudah bulan Ramadan selama enam bulan pula agar diterima amalan yang dilaksanakan.

Ibn Rajab al-Hanbali menjelaskan hakikat Ramadan dengan berkata: “Bagaimana tidak bergembira seorang Mukmin (apabila tibanya Ramadan) dengan terbukanya pintu-pintu syurga? Bagaimana tidak bergembira seorang pendosa dengan tertutupnya pintu-pintu neraka? Bagaimana tidak bergembira seorang yang berakal dengan waktu yang padanya dibelenggu syaitan-syaitan (durjana)? Adakah waktu lain yang menyerupai waktu ini?”.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Bulan Ramadan yang ditangisi pemergiaannya dan dirindui serta dinantikan kehadirannya ini perlu disambut dengan penuh persediaan. Bulan yang penuh rahmat, berkat dan keistimewaan ini perlu dimanfaatkan sebaiknya oleh setiap Mukmin. Antara persediaan utama yang seharusnya diusahakan ialah:

Pertama: Mewujudkan niat yang baik, suci dan ikhlas dalam menghidupkan Ramadan dengan pelbagai amal ibadah seperti niat taubat dalam mensucikan diri, niat mengkhatamkan al-Quran dengan tadabbur, niat memperbanyakkan amalan soleh, niat melaksanakan kebaikan kepada manusia dan sebagainya. Sesungguhnya niat merupakan pemula kepada setiap amalan. Apabila niat baik nescaya amalan yang menurutinya adalah baik.

Kedua: Menyambut Ramadan dengan semangat serta azam yang baru iaitu Ramadan dianggap sebagai titik permulaan dalam membentuk diri sebagai Mukmin yang patuh mentaati Allah SWT, menjunjung perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Ketiga: Mewujudkan suasana gembira menyambut Ramadan dalam keluarga dan masyarakat dengan persiapan yang sebaiknya seperti mengemas kediaman atau ruang ibadah, menyiapkan pakaian kelengkapan ibadah, mengulangkaji hukum-hakam puasa dan sebagainya. Suasana yang baik sangat mempengaruhi ahli keluarga dan masyarakat dengan perkara-perkara yang baik.

Keempat: Merancang aktiviti Ramadan dengan sasaran tertentu seperti solat tarawih, khatam al-Quran, berzakat, bersedekah dan sebagainya.



Perancangan yang dibuat mestilah mengambil kira untuk menjadikan Ramadan kali ini adalah yang terbaik dari yang sebelumnya.

Kelima: Berdoa kepada Allah SWT agar diberikan hidayah serta dipermudahkan segala yang dirancang. Antara doanya ialah doa yang pernah dipesan oleh Rasulullah SAW kepada Muaz bin Jabal RA. Diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Muaz bin Jabal RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَوْصِيكَ يَا مُعَاذُ لَا تَدْعَنَّ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ تَقُولُ: اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ

Bermaksud: “Aku wasiatkan kepadamu wahai Muaz, janganlah engkau tinggalkan di setiap akhir salat untuk mengucapkan: "Ya Allah, bantulah aku untuk berzikir mengingati-Mu, bersyukur kepada-Mu dan beribadah sebaiknya kepada-Mu”.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Ibn Majah meriwayatkan daripada Abdullah bin Salam RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا الْأَرْحَامَ، وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ، تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ.

Bermaksud: “Wahai sekalian manusia, sebarkan salam, berikan makan, sambungkan silaturahmi, solatlah waktu malam di saat manusia lain sedang tidur, nescaya kalian akan masuk Syurga dengan sejahtera (aman, makmur, senang dan tenteram)”.



Ini adalah sebahagian amalan yang membawa ke syurga. Empat amalan membawa ke Syurga dalam hadis di atas boleh dilatih sewaktu bulan Ramadan seterusnya konsisten dilaksanakan selepasnya iaitu:

Pertama: Sebaran salam merupakan asas kebaikan dalam hubungan sesama manusia. Salam adalah benih menimbulkan kemesraan dan kasih sayang.

Kedua: Pemberian makan adalah merupakan asas kasih sayang dalam hubungan sesama manusia. Sama ada makanan tersebut diberikan kepada yang memerlukan, jiran tetangga, keluarga, sahabat, kenalan dan sebagainya. Memberikan makanan adalah hadiah dan Rasulullah SAW sangat menganjurkannya kerana ianya dapat mewujudkan perasaan kasih sayang.

Ketiga: Menghubungkan silaturahim merupakan asas yang mempertautkan hubungan kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga, kerabat atau sanak saudara.

Keempat: Solat waktu malam di saat manusia lain sedang tidur adalah pentanda hubungan seorang hamba dengan Tuhannya. Sesungguhnya hamba yang cintai Allah SWT adalah mereka yang bangun di dalam hari mendekati dirinya kepada Allah SWT. Semoga kita dapat menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan ini dengan amal ibadah iaitu sekurang-kurang solat tarawih serta witr dengan sempurna.

Sidang hadirin yang dirahmati Allah,

Semasa kita berbuka puasa, mimbar mengingatkan para jemaah sekalian, pilihlah juadah secara bersederhana dan tidak membazir. Paling utama, ketika membeli di bazar ramadan, pilihlah juadah yang halal lagi baik, bersih dan selamat. Belilah makanan dari peniaga yang mengamalkan kebersihan seperti



pakaian yang bersih, menjaga kuku dan rambut. Ingatlah, ketika berpuasa tentunya tubuh badan kita akan keletihan. Pilihlah makanan yang dapat membina kesihatan diri supaya dapat melakukan ibadah dengan khusyuk dan sempurna. Bagi mereka yang berbuka puasa di restoran atau hotel, pastikan ia memiliki sijil Halal yang diiktiraf oleh pihak berkuasa.

Mimbar juga mengambil kesempatan untuk mengingatkan sidang jemaah supaya berazam untuk meninggalkan tabiat merokok yang merosakkan. Kita hendaklah menyokong kempen Kementerian Kesihatan Malaysia sempena Hari Tanpa Tembakau melalui program Nafas Baru Bulan Ramadan. Justeru, inilah masanya kita saling ingat-mengingati tentang bahayanya asap rokok bukan sahaja kepada perokok malah mereka yang berada di sekelilingnya.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa kesimpulan:

Pertama: Ramadan merupakan anugerah yang sangat berharga bagi setiap Mukmin dengan pelbagai keistimewaan dan ganjaran yang dijanjikan.

Kedua: Ramadan perlu dilalui dengan penuh persediaan, azam dan tindakan yang sebaiknya. Perancangan dan sasaran yang baik membuah hasil yang baik dan mengelakkan pembaziran.

Ketiga: Sebaran salam, pemberian makanan, menghubungkan silaturahim dan solat malam merupakan sebahagian amalan yang dapat dilatih sepanjang Ramadan seterusnya dilaksanakan secara konsisten pada bulan-bulan yang lain.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 183 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Maksudnya : *Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu untuk berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas kaum-kaum terdahulu sebelum kamu, mudah-mudahan kamu memperolehi ketaqwaan”.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِيِّ الصَّالِحِينَ وَنَاصِرِ الْمَظْلُومِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ الْأَمِينِ، صَفْوَةِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَّقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِينُ.



أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلَى صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا إِخْوَانًا مُتَحَابِّينَ فِي اللَّهِ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ، وَثَنِي بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي مُحْكَمِ تَنْزِيلِهِ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ: أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كِبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ ائِخْوَعْ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي ائِخْوَعْ، تُونُكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيْزَةُ أَمِيْنَةُ مِيْمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرُ الْحَاجِ.



اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ
خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ أَلِفْ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِنَا، وَاهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ، وَنَجِّنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى
النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا، وَقُلُوبِنَا،
وَأَرْوَاجِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ لِنِعْمِكَ،
مُشِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَابِلِينَ لَهَا وَأَتَمِّهَا عَلَيْنَا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .